

# Jepun sedia kaji permintaan Malaysia

UM 11 JAN 2002

KUALA LUMPUR 10 Jan. — Kerajaan Jepun sedia mengkaji permintaan Malaysia untuk mendapatkan bantuan kepakaran dan kewangan bagi projek pembekalan air di Semenanjung.

Jurucakap Perdana Menteri Jepun, Norio Hattori berkata, permintaan tersebut telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa perbincangan antara delegasi Malaysia dan Jepun hari ini.

"Malaysia memerlukan bantuan kepakaran Jepun bagi mengkaji kesan projek tersebut ke atas alam sekitar manakala pinjaman kewangan pula akan digunakan bagi membayar pampasan kepada penduduk yang terpaksa dipindahkan," katanya di sini.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar bagi memakhumkan mengenai hasil perbincangan antara delegasi kedua-dua negara yang masing-masing diketuai oleh Dr. Mahathir dan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi.

Hattori enggan mendedahkan mengenai tempat projek tersebut akan dijalankan.

Adalah difahamkan projek berkenaan melibatkan pembinaan sistem terowong bagi memindahkan air dari Sungai Telemong di Pahang ke Sungai Gombak di Selangor.

## Teliti

Beliau berkata, kerajaan Jepun perlu memikirkan secara teliti permintaan Malaysia tersebut kerana negara matahari terbit itu sendiri telah mengurangkan belanjawan sebanyak 10 peratus bagi tahun 2002.

"Pemotongan belanjawan ini bukan bererti kita akan menolak permintaan Malaysia kerana Jepun masih berpegang kepada dasar untuk memberi keutamaan kepada negara-negara ASEAN," ujarnya.

Menurut Hattori, Koizumi juga telah mengadakan perjumpaan dengan Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail, hari ini.

Beliau menjelaskan, perjumpaan tersebut adalah bagi menyatakan penghargaan Jepun terhadap usaha Razali menyelesaikan masalah ketegangan antara pemerintah tentera junta Myanmar dengan parti pembangkang, Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD).

Sebelum perjumpaan dengan Razali, Koizumi juga telah menerima kunjungan hormat enam wakil Persatuan Alumni Dasar Pandang ke Timur yang diketuai oleh Presidennya, Datuk Zulkifli Abdul Razak.

Hattori berkata, kunjungan tersebut adalah sempena ulang tahun ke-20 Dasar Pandang ke Timur yang telah diilhamkan oleh Dr. Mahathir.

"Koizumi berpendapat dasar tersebut telah banyak membantu merapatkan hubungan antara Malaysia dan Jepun," ujarnya.